

BAB III

METODOLOGI

A. Pengenalan

Pengkajian terhadap Tamadun Islam sering terarah kepada pola kajian historis kerana dilihat dari perspektif historis. Ini disebabkan oleh kaitan antara tamadun dan sejarah amatlah rapat sehingga sulit untuk membuat batas-batas tertentu terhadap kedua-duanya. Maka kebanyakan kajian tamadun didominasi oleh pola kajian sejarah. Ini tidak terjadi pada kajian tamadun saja malah cabang ilmu pengetahuan lain sama ada ilmu humaniora mahupun ilmu sains tabie. Bahkan ilmu agama turut dipengaruhi oleh perspektif historis. Para pengumpul Hadith seperti al Tabari dibantu oleh sejarah untuk membuat penilaian terhadap hadith sama ada hadith sahih mahupun sebaliknya. Kriteria dilihat dari pandangan sejarah biografi seorang pembawa hadith.

Hal seperti ini, tidak dapat dielakkan kerana signifikansi sejarah terhadap beberapa cabang ilmu pengetahuan memang merupakan sebuah tradisi keintelektualan semenjak dari zaman falsafah atau lebih jauh daripada itu. Maka tidak hairan ketika mana Ibn Khaldun dalam kitab *Muqadimah* telah menyebutkan bahawa kajian terhadap ilmu kemasyarakatan harus dilihat dalam bentuk perspektif historis. Ini jika dilihat, kajian sejarah dalam bentuk *universal* yang mempunyai hubung

kait dengan teori kausaliti. Maka Ibn Khaldun dikatakan sebagai pencetus idea kepada kajian sejarah sosiologi.¹

Pemahaman terhadap kajian Tamadun Islam sering terarah kepada hasil pemikiran Islam yang dieksplorasikan di kalangan intelektual Muslim baik dari khazanah Islam yang bersumberkan al Quran mahupun Hadith dan sumber-sumber Islam lain. Di sisi yang lain hasil daripada proses pemindahan beberapa pemikiran tradisional dan modern daripada kalangan non muslim terutama daripada Yunani dan Parsi. Hal ini telah dibantah oleh seorang intelektual Muslim iaitu Sheikh Mohammad Iqbal yang mengatakan bahawa corak pemikiran Islam tidak pernah mencedok pendapat atau idea daripada Yunani. Pemikiran itu hasil daripada sumber Islam sendiri. Keberanian Iqbal melontar pendapatnya berdasarkan pendapat Roger Bacon dalam sebuah pernyataannya².

Namun demikian bagi pendapat penulis bahawa jangan bersikap menutup sebelah mata dan skeptisme terhadap barat dalam memahami tradisi keintelektualan kerana pengadopsian pemikiran bukan saja berlaku pada ilmu sains tabie dan ilmu humaniora saja bahkan berlaku dalam kajian penafsiran sebagaimana yang didakwa

¹ Ibn Khaldun, *Muqaddimah li Ibn Khaldun*, terj., (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995), hal. Lxxi

² Sheikh Mohd. Iqbal, *Pembangunan Kembali Pemikiran Ummat Islam*, terj., (Jakarta:PT Tintamas, 1984), hal. 184

oleh beberapa orientalis seperti Franzt Rossental dalam beberapa karyanya mengenai historiografi Muslim. Begitu juga tulisan oleh al Nasier tentang pengaruh Israeliyat dalam penafsiran al Quran sebagaimana penafsiran awal seperti Tafsir al Tabari dan yang bersumberkannya.

Hala tuju kepada pendidikan tamadun kepada peringkat menengah dan tinggi adalah untuk membentuk masyarakat supaya melihat pengajaran yang dapat diambil dari bentuk peradaban yang tercipta baik di dunia Barat mahupun di dunia Islam. Malah di peringkat pengajian tinggi awam mahupun swasta diwajibkan bagi setiap mahasiswa mengambil kertas Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS). Ia memerlukan suatu cara ataupun kaedah (metodologi) yang tertentu untuk dapat merealisasikan matlamat dan tujuan program tersebut.

B. Objektif

Kajian ini lebih tertumpu kepada analisis terhadap metodologi yang ideal untuk digunakan oleh para pelajar dan para pengajar untuk kajian terhadap kertas Sejarah, bahagian Tamadun Islam.

Antara objektif utamanya ialah:

- i. Menganalisis kaedah pengajaran yang digunakan oleh para pengajar dalam memberikan kefahaman terhadap kertas Sejarah, bahagian Tamadun Islam
- ii. Menganalisis kaedah yang digunakan oleh para pelajar dalam pemahaman mereka terhadap kajian tersebut berdasarkan perbezaan dari aspek latar belakang pendidikan, lingkungan dan perspektif (sudut pandang) yang berbeza
- iii. Menganalisis tentang pengaruh lingkungan dalam metodologi pengajaran dan pemahaman dikalangan para pengajar dan pelajar.

C. Metode Pengumpulan Data

I. Metode Soal selidik

Metode ini digunakan untuk mengambil data-data dari para pelajar yang dipilih dari setiap sekolah seramai dua puluh lima (25) orang pelajar yang dipilih secara rawak (*random*). Pemilihan ini berdasarkan kriteria yang ditetapkan agar menemui data-data yang bervariasi berdasarkan tujuan yang dimaksudkan dalam kajian ini.

Dalam kajian soal selidik ini, beberapa aspek umum tercantum dalam beberapa pertanyaan yang berhubung kait dengan kajian yang dibuat. Aspek-aspek yang dikaji dalam soal selidik ini ialah:

- i. Peribadi- oleh kerana soal selidik ini bersifat rahsia dan hanya untuk tujuan penyelidikan, nama responden tidak ditulis dan hanya digunakan kod yang bersimbolkan nombor (contoh simbol: 1,2,3 dan seterusnya). Bahagian ini hanya mengambil informasi tentang bangsa, agama, jantina, umur, tarikh dan tempat lahir, pendidikan (di mana sekolah-sekolah yang pernah mereka lalui) dan keputusan peperiksaan di peringkat Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Peperiksaan Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)), dana pendidikan, asal dan tempat tinggal
- ii. Latar belakang keluarga- pertanyaan ialah menyangkut masalah pekerjaan ibu bapa, pendapatan ibubapa, kenderaan yang digunakan oleh keluarga, jumlah ahli keluarga yang menuntut di pusat pengajian tinggi, hubungan kekeluargaan baik bersifat keharmonian, ikatan, kaedah untuk menyelesaikan masalah dalaman dalam keluarga dan disiplin keluarga
- iii. Lingkungan- bahagian ini merupakan pertanyaan yang penting kerana banyak mempengaruhi kaedah pendidikan. Objek lingkungan yang dipilih yang berhubung kait dengan

kajian ini ialah perpustakaan, kelas dan tempat tinggal sama ada asrama ataupun rumah. Pertanyaan tentang perpustakaan meliputi tentang buku rujukan, suasana bilik bacaan dan layanan pustakawan. Bilik kelas pula ialah tentang kemudahan yang ada dalam bilik kelas, suasana pembelajaran dan kebersihannya. Tempat tinggal akan dipersoalkan tentang suasana persekitaran, konsentrasi belajar, kebersihan serta partisipasi ahli keluarga atau rakan sebilik ketika waktu belajar

- iv. Pembelajaran- Aspek ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu dalam kelas dan di luar kelas. Pertanyaan pada bahagian dalam kelas berkisar tentang minat terhadap kertas Sejarah, Bahagian Tamadun Islam, penumpuan, minat untuk bertanya, catatan nota, nota yang diberikan oleh pengajar, kaedah yang digunakan oleh pengajar, tingkat kefahaman terhadap bahagian tersebut, argumentasi yang dibuat, tekanan suasana pembelajaran dan kerjasama antara para pelajar. Manakala bahagian luar kelas pula berkisarkan tentang bentuk pembelajaran, menelaah pelajaran, buku tambahan selain buku yang disyorkan, masa yang diambilkan untuk menelaah bahagian Tamadun Islam, perbandingan kefahaman antara di dalam kelas dan di luar kelas, suasana belajar, persiapan sebelum waktu kelas dan keperluan kelas

tambahan untuk memantapkan pemahaman terhadap kertas Sejarah, bahagian Tamadun Islam

- v. Motivasi- Aspek ini akan menekankan tentang motivasi keluarga dan pihak sekolah. Antara pertanyaan motivasi daripada pihak keluarga tentang kemajuan pendidikan, respon, jaminan, dorongan daripada keluarga baik bersifat material mahupun spiritual, prasarana, serta komitmen yang ditunjukkan oleh ahli keluarga. Manakala motivasi pihak sekolah pula ialah tentang kemajuan pendidikan baik secara global mahupun secara individu, respon, jaminan, motivasi baik aspek material mahupun spiritual, prasarana, komitmen, kem motivasi dan kaedah untuk meningkatkan prestasi kecemerlangan pendidikan para pelajar
- vi. Umum- pertanyaan ini bersifat terbuka dan dijawab secara ringkas. Pertanyaan sekitar masalah minat, penguasaan, teknik pembelajaran, langkah-langkah terbaik untuk kefahaman Tamadun Islam serta beberapa aspek kajian Tamadun Islam.

Kaedah pertanyaan dalam metode soal selidik ini terbahagi kepada dua iaitu pertanyaan tertutup dengan membuat pilihan dengan jawapan yang disediakan dan pertanyaan terbuka di mana responden

bebas menjawab pertanyaan yang disediakan. (lihat lampiran yang disediakan).

Metode soal selidik ini hanya bertujuan untuk mendapat data-data yang bersifat umum. Bagi data-data yang bersifat yang lebih mendalam dan komprehensif, metode lain digunakan iaitu metode wawancara.

II. Metode Wawancara

Ia merupakan salah satu metode untuk memperolehi data-data yang berdepan dengan responden dengan menekankan beberapa pertanyaan yang relevan dengan tujuan penyelidikan. Sasaran utama adalah para pengajar kertas Sejarah dan para pelajar yang dipilih menurut kriteria yang ditetapkan. Antara persoalan yang ditanaya adalah seperti berikut:

- a. Pengajar
 - i. Latar belakang pendidikan
 - ii. Ruang lingkup kertas sejarah terutama bahagian Tamadun Islam
 - iii. Sumber yang digunakan
 - iv. Pedagogi dan elemen yang berhubungan dengan kaedah pengajaran

- v. Kondisi pengajar ketika berhadapan dengan para pelajar yang berbeza dari aspek agama, bangsa dan perspektif
- vi. Sikap pengajar terhadap analisis para pelajar
- vii. Objektif dan matlamat dari kajian Tamadun Islam
- viii. Kenederungan pola fikir para pelajar menurut pemerhatian pengajar
- ix. Pendapat pengajar tentang pengaruh lingkungan dan latar belakang pendidikan yang berbeza dalam mempengaruhi kaedah pemahaman kertas Sejarah
- x. Pendapat pengajar dalam mencari kaedah yang sesuai untuk pemahaman untuk semua para pelajar tanpa melihat perbezaan yang disebutkan.

b. Pelajar

- i. Peribadi
- ii. Latar belakang pendidikan
- iii. Lingkungan tempat tinggal dan pendidikan
- iv. Pengaruh lingkungan dalam pendidikan pelajar
- v. Kecenderungan pelajar terhadap pemahaman kertas Sejarah (Tamadun Islam)
- vi. Sikap terhadap kertas sejarah
- vii. Sistem pembelajaran
- viii. Kaedah pelajar dalam untuk pemahaman kertas sejarah

- ix. Komitmen untuk mencapai sasaran pelajar dalam memperolehi keputusan kertas Sejarah
- x. Motivasi beberapa pihak yang bersangkutan
- xi. Insentif oleh orang terdekat di kalangan para pelajar
- xii. Tahap analisis yang dibuat oleh para pelajar.

3. Metode Persampelan

Beberapa sekolah dipilih untuk memenuhi kajian ini. Pemilihan berdasarkan kriteria sekolah yang berhubungan dengan sasaran kajian. Antara kriteria tersebut ialah:

- i. Pencapaian sekolah
- ii. Pelajar yang terdiri daripada pelbagai kaum
- iii. Kedudukan geografi sekolah
- iv. Lingkungan sekolah
- v. Sekolah yang ada tingkatan enam
- vi. Sekolah yang menyediakan kertas sejarah pada peringkat STPM.

Berdasarkan kriteria di atas, penulis memilih tiga (3) buah sekolah iaitu:

- i. Sekolah Menengah Kebangsaan Green Road, Kuching Utara

- ii. Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Abang Haji Openg,
Kuching Utara
- iii. Kolej Datu Patinggi Abang Haji Abdillah, Kuching Utara.

IV. Metode Kajian Kes

Metode kajian kes ini merupakan cara untuk menyempitkan persoalan daripada tajuk yang begitu luas pembahasannya. Maka penulis telah memilih sekolah-sekolah di bahagian Kuching, Sarawak. Oleh kerana Kuching dibahagi kepada dua kawasan pentadbiran yang berlainan iaitu Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU) dan Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MBKS). Penulis memilih sekolah-sekolah di kawasan DBKU sebagai sampel kajian. Sekolah- sekolah yang dipilih adalah seperti berikut:

- i. Sekolah Menengah Kebangsaan Green Road
- ii. Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Abang Haji Openg
- iii. Kolej³ Datu Patinggi Abang Haji Abdillah.

Sekolah-sekolah yang dipilih tersebut dilabelkan dengan istilah kes. Bagi Sekolah Menengah Kebangsaan Green dilabelkan dengan Kes 1, Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Abang Haji Openg dilabelkan dengan Kes 2 dan Kolej Datu Patinggi Abang Haji Abdillah

³ Kolej ini sama tarafnya dengan sekolah biasa tapi para pelajaranya adalah yang terpilih berdasarkan keputusan UPSR dan PMR yang cemerlang.

dilabelkan dengan Kes 3. Tujuan sistem label tersebut memudahkan proses klasifikasi pengumpulan data dan dapat membezakan hasil proses analisis data yang telah diolah dan dimanipulasikan dalam bentuk fakta.

V. Metode Observasi (pengamatan)

Metode ini digunakan dalam penelitian dalam usaha untuk mengamati beberapa perkara yang berhubungan dengan kajian ini. Pengamatan ini dilakukan di dalam kelas yang terlibat dengan kertas Sejarah. Pemerhatian dijalankan sebanyak dua kali untuk melihat dan menilai beberapa perkara seperti berikut:

- i. Kaedah pengajaran yang digunakan oleh pengajar
- ii. Interaksi antara pelajar dan pengajar
- iii. Suasana pembelajaran
- iv. Melihat metode berfikir pengajar
- v. Melihat metode berfikir pelajar yang dinilai daripada aspek pelbagai kaum
- vi. Menilai pemahaman pelajar dalam usaha memahami tema yang dibincangkan
- vii. Keaktifan pelajar dalam memberikan argumentasi
- viii. Melihat penilaian pengajar terhadap argumentasi yang diberikan oleh pelajar.

Hasil observasi ini adalah bertujuan untuk membandingkan data-data yang dibuat melalui proses kaji selidik dan wawancara. Proses ini dilakukan bertujuan untuk membuat penyaringan data-data yang relevan dengan penelitian.

VI. Metode Kajian Perpustakaan

Metode ini merupakan kajian terhadap beberapa kajian literatur yang mendukung secara teori terhadap kajian yang dilakukan. Kebanyakan metode ini digunakan pada bahagian bab II sebagai kajian teoretik. Tujuan kajian teori ini adalah sebagai tolak ukur, perspektif dan landasan utama kepada aplikasinya pada kajian lapangan (*field research*).

Maka kajian ini bersandarkan kepada teori yang dikemukakan untuk memenuhi prasyarat kepada kajian ilmiah yang berdasarkan falsafah. Hal seperti ini banyak ditekankan oleh beberapa sejarawan dan ahli falsafah terkemuka seperti Ibn Khaldun dan Hegel. Kalau Ibn Khaldun dalam kitab *Muqadimah Li Ibn Khaldun* dalam bahagian yang membahaskan tentang sejarah, beliau telah memberikan pengertian istilah sejarah kepada dua iaitu Sejarah Zahir dan Sejarah Batin. Sejarah Zahir bermaksud gambaran peristiwa-peristiwa yang diceritakan apa adanya tanpa ada menimbulkan sesuatu yang

memerlukan proses pemikiran yang lebih komprehensif dan analitis⁴. Sejarah berbentuk demikian boleh dikatakan sejarah naratif (bercerita) ataupun disebut sejarah asli (original history). Penulisan sejarah tersebut hanya bersandarkan fakta-fakta peristiwa yang belum mampu mereflektifkan diri sendiri sehingga tidak dimaksudkan sebagai sejarah analitis.⁵

Sejarah Batin pula bermaksud sejarah yang dilandasi dengan kajian dan analisis yang menggunakan metode beberapa pertanyaan seperti bagaimana, kenapa, bila, apa dan sebagainya sehingga menimbulkan analisis yang lebih komprehensif untuk memuatkan sejarah yang bernilai sejarah analitis. Sejarah ini harus dilandasi beberapa teori yang bermaksud sebagai penunjang kepada analisis sejarah.⁶

Hegel dalam persoalan ini ada melontarkan sebuah teori yang lebih mudah digambarkan. Beliau menggunakan elemen yang terdapat pada manusia. Teori Hegel lebih dikenali sebagai Falsafah Sejarah Material. Elemen yang digunakan seperti ruh, ego (diri) dan hati. Sejarah digambarkan dalam bentuk ruh yang dibahagikan kepada tiga

⁴ Ibn Khaldun , Terj., *Mugadimah Li Ibn Khaldun*, (Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka, 1995), hal.xxi

⁵ untuk pemahaman sila lihat buku Doktor Sayid Abdul Aziz Salim, *Tarikh Wa Al Muarifun Al Arab*, (Beirut :Darul Nahdah, tt), hal. 35

⁶*Ibid.*, hal. 36

iaitu ruh objektif, ruh subjektif dan ruh mutlak. Ruh objektif dimaksudkan sebagai sejarah yang digambarkan seadanya sebagaimana yang terdapat pada ikatan fakta-fakta yang membentuk jalan sejarah yang bersifat naratif (bercerita) tanpa mampu mereflektifkan diri sendiri. Sejarah ini dikatakan sebagai sejarah asli. Ruh Subjektif adalah sejarah yang digambarkan oleh sejarawan dalam bentuk perspektif sejarah spekulatif, iaitu sejarah dilihat tanpa ada landasan teori. Ia juga boleh disebutkan sebagai *eye's ball theory* (pandangan apa adanya yang lebih cenderung kepada spekulatif semata-mata). Maka ruh subjektif ini juga dikenali sebagai Falsafah Sejarah Spekulatif. Ruh mutlak dikatakan sejarah yang dilandasi oleh isi sejarah yang dikupas dengan kaedah (metodologi) dan kerangka teoretik yang membentuk sebuah analisis yang komprehensif dan kritis. Maka sejarah dalam bentuk ini mencapai kesempurnaan kerana ia melepas syarat kajian ilmiah dalam disiplin keilmuan. Bentuk Roh Mutlak ini juga dikenali sebagai Falsafah Sejarah Kritis.⁷

Antara hal yang menarik yang diangkat melalui kajian perpustakaan ini ialah apa yang berhubungan dengan ruang lingkup kajian teori yang menjadi landasan utama dan arah atau halatuju kajian sebagai momentum awal dalam analisis dalam bab yang selanjutnya.

⁷ Hati dan ego (diri) adalah pembahasan tentang tahap pemprosesan sejarah. Di sini cukup dibatasi dengan roh kerana bersangkutan dengan kajian yang dibuat. Untuk kajian yang lebih

Pengkajian yang menyangkut tentang pendidikan akan membawa kepada suatu kajian teoretis yang utama iaitu konsep dan budaya ilmu yang sering menjadi tulang belakang kepada teras pendidikan. Islam dalam penanaman budaya ilmu terserlah pada awal ayat yang pertama dalam al Quran yang sekaligus memberikan indikasi betapa pentingnya ilmu dalam kitar (siklus) hidup manusia. Ajakan ini bukan saja kepada manusia yang bergelar Muslim bahkan kepada manusia keseluruhannya. Pembentukan budaya ilmu oleh ummat manusia akan melahirkan sebuah peradaban atau ketamadunan manusia yang membawa kepada pola perubahan (dinamik) untuk kemajuan kehidupan manusia dalam melalui proses kehidupan sama ada proses adaptasi mahupun pembentukan corak baru dalam kehidupan manusia. Pembentukan seperti ini tidak terlepas daripada gejala alam yang membentuk jiwa dan fizikal manusia, sebagaimana yang disentuh oleh Ibn Khaldun dalam kitab teorinya iaitu *Muqaddimah Li Ibn Khaldun*.⁸

Di kalangan ulama' terdapat kesepakatan dalam pembahagian ilmu yang dipecahkan kepada dua iaitu ilmu Ain dan Ilmu Kifayah. Hal ini telah diketengah oleh Imam Ghazali dalam kitab ulungnya iaitu *Kitab Ihya Ulum Ad Din*. Begitu juga dengan ulama kontemporari seperti

mendalam teori berkenaan sila lihat Falsafah Sejarah Material oleh Hegel (Sejarawan Jerman).

⁸ Ibn. Khaldun, *Op. Cit.*, hal. 31

Prof. Dr. Syed Naquib Al Attas yang melihat dalam perspektif peradaban, turut juga membahagi kepada dua bahagian juga.

Kajian terhadap budaya ilmu ini melihat beberapa teori yang dilontarkan oleh beberapa ulama dalam pelbagai perspektif. Ia juga menggunakan pendekatan perspektif pemikir Barat dalam melakukan suatu upaya analisis yang lebih tajam tanpa menidakkannya atau menafikan idea yang kontradiktif.

Kaedah pengajaran atau pedagogi adalah sebuah teori yang telah dipelopori oleh tokoh sosiologis iaitu Emile Durkheim dalam bukunya *Education and Sociology* yang diterjemahkan daripada bahasa Perancis⁹. Kemudian teori ini telah dikembangkan baik daripada barat sendiri mahupun daripada pemikir daripada Asia Tenggara.

Tamadun Islam merupakan pemikiran kreatif yang dilahirkan oleh manusia muslim yang kemudiannya membentuk peradaban material yang juga disebut sebagai kebudayaan. Sumber asas kepada Tamadun Islam adalah al Quran dan al Sunnah. Sumber selain daripada itu adalah transformasi pemikiran. Transformasi pemikiran dalam Islam lahir dari dua sumber iaitu dari buah pemikir intelektual muslim sendiri yang kemudian diperkembangkan menjadi lebih sesuai dengan perkembangan zaman dan tempat. Sumber kedua merupakan

hasil adaptasi dari pemikir tempatan mahupun luar daripada Islam. Kebiasaan proses adaptasi ini diambil daripada peradaban yang lebih tinggi sebelumnya seperti peradaban Romawi dan Yunani.

Institusi pendidikan seperti sekolah merupakan agen perubahan masyarakat yang terstruktur. Maka kajian terhadap institusi pendidikan tidak terlepas dari kajian teoretis yang melibatkan kajian Sosiologi. Beberapa pemikir pendidikan seperti Emile Durkheim telah membuat cetusan idea yang membuat polarisasi ilmu sosial dengan pendidikan yang diistilahkan sebagai sosiologi pendidikan.

Kajian perpustakaan yang terakhir melihat kepada ruang lingkup kertas I Sejarah, iaitu Tamadun Islam dan Tamadun Dunia. Beberapa tema disusun seperti pembahasan tentang masyarakat, pemerintahan, pertahanan, ekonomi, pendidikan, intelektual, penerokaan dan kebudayaan serta kesenian.

D. Metode Penulisan Data

Penulisan laporan dimulakan dengan kajian teoretis yang melibatkan beberapa perkara yang berhubungan dengan kajian lapangan sebagai landasan utama dalam penelitian mahupun dalam penulisan analisa.¹⁰

⁹ Emile Durkheim, *Education and Sociology*, (Illinois: The Free Press, 1956), hal. 75
¹⁰ sila lihat hal 14-78

Penulisan selanjutnya menyentuh kajian lapangan (*Field Research*). Pembahasan dimulakan dengan pembahasan mengenai laporan tentang bandaraya Kuching. Selepas itu, membahaskan tentang kajian kes yang melibatkan tiga buah sekolah yang bersangkutan dengan penelitian ini.

Setelah itu baru ditulis hasil dari kajian yang menggunakan pendekatan tematik. Tema tersebut adalah Pengajar, Pelajar dan Lingkungan (Persekutaran).

E. Metode Analisis data

Penulisan menggunakan dua bentuk data iaitu data kualitatif dan data kuantitatif. Penggunaan data kuantitatif biasanya berhubungan dengan soal kaji selidik yang melihat sesuatu hal yang bersifat umum dengan mengambil kecenderungan dalam bentuk kolektif. Data kuantitatif biasanya menggunakan angka untuk mewakili sesuatu data supaya memudahkan untuk menganalisis dalam bentuk analisis statistik. Analisis statistik yang digunakan adalah statistik nilai tengah (Min dan Mod). Hasil Min dan Mod biasanya berhubungan dengan nilai tengah untuk menunjukkan kecenderungan dari sejumlah responden.

Untuk mengukur tendensi sesuatu analisa statistik penulis menggunakan dua skala¹¹ iaitu:

FREKUENSI	JUMLAH
AMAT TIDAK BAIK	1
TIDAK BAIK	2
SEDERHANA	3
BAIK	4
AMAT BAIK	5

FREKUENSI	JUMLAH
YA	3
TIDAK TAHU	2
TIDAK	1

Dari hasil data kuantitatif tidak banyak membentuk sebuah fakta yang konkrit (kerana ia hanya melihat kepada tendensi saja). Untuk pengukuhan sebuah fakta, diperlukan data kualitatif yang diambil melalui wawancara, pengamatan dan kajian perpustakaan. Kombinasi data kuantitatif dan kualitatif membentuk beberapa fakta yang kemudian dianalisis oleh penulis.

¹¹ Skala ini disebut sebagai *likert skill*